

HALAMAN KAUM IBU

HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

APA BENCANA MELANGGAR DAN MENCAPAK KETETAPAN-KETETAPAN ALLAH

Di dalam makalah saya yang lalu saya telah menerangkan dengan ringkasnya sempadan-sempadan dan aurat perempuan di rumahnya, kepada muridnya dan orang luar. Di dalam makalah itu saya telah menyebut dengan ringkasnya bahawa seseorang perempuan itu boleh ia membuka kepala, muka, kaki, perhiasan-perhiasan di badannya dan dua tangannya seberapa yang perlu sebagai bekerja di rumah hadapan perempuan-perempuan Islam, suami, bapa, mertua, anak, anak tiri, saudara, anak saudara, hamba, orang gaji yang tidak berkemahuan kepada perempuan dan kanak-kanak yang belum berkemahuan kepada perempuan. Di dalam sembahyang ia wajib menutup semua bahagian badannya kecuali muka dan dua tangan hingga ke pergelangan. Kalau ada seseorang lelaki yang datang hendak berjumpa dengannya kerana ada sesuatu yang mustahak. Ia boleh berjumpa dengannya dengan dihadiri oleh seorang muhrimnya.

(Oleh Ummu Muhsin)

Demikian itulah tertib yang diatur oleh agama bagi kita kaum perempuan tetapi kalau kita perhati keadaan-keadaan yang ada di sekeliling kita hari ini, kalau kita katakana tidak semua tetapi bolehlah dinisbahkan 80 peratus daripada kaum kita semata-mata telah melanggar kepada ajaran-ajaran yang tersebut bahkan lebih-lebih hebat lagi keadaannya setelah pengaruh-pengaruh bersolek cara Barat, bermaharajalela dengan pergaulan kita sehingga bukannya sahaja orang-orang awam atau orang-orang yang telah memurahkan maruahnyanya yang terpengaruh tetapi orang-orang daripada golongan yang baik-baik pun demikian juga keadaannya sehingga payah hendak dibezakan di antara orang baik-baik dengan orang yang tidak baik.

Agama Islam tidak menegah seseorang itu bersolek menyelenggarakan dirinya bahkan disuruh dan digalakkan di atas kebersihan, menggunakan bau-bauan dan sebagainya tetapi suruhan itu ada tempatnya yakni ada sempadannya untuk menggalakkan, untuk menggemarkan dan untuk mencantikkan suaminya di rumah, jika ia bersuami atau menyenangkan kaum keluarganya (muhrimnya) tidak sebagai yang ada kepada kita bersolek itu dijalankan bukan dengan kerana tujuan-tujuan

itu tetapi dijalankan mereka untuk keluar rumah ke pasar dan sebagainya.

Ada juga mereka yang bertudung tetapi tudung itu dipin di tengah-tengah kepala sedang krol rambutnya nampak bergelembung dan ada pula yang tudung itu semata-mata dibawa dibelitkan di atas bahu sahaja pada hal telah diperintahkan untuk menutup rambut kerana rambut itu ialah aurat.

Peraturan-peraturan kita yang semacam itu bukannya sahaja melanggar tentang membuka aurat tetapi membawa bencana kepada masyarakat. Saya katakan begitu ialah dengan keadaan mengukur bahawa masih banyak lelaki itu yang bersifat mata keranjang mudah tertarik kepada solek dan dandan kita, mudah tersangkut kepada lenggang dan lenggok kita dan percayalah bencananya sangat besar dan lihat sahajalah apa yang terjadi kepada masyarakat orang Barat yang kita sedang tergilagila hendak meniru-niru keadaannya.

Janganlah kita memandang hanya ke Barat itu sahaja tetapi pandanglah kearah pergaulan kita di sini dan bencana-bencana yang terjadi di sekeliling kita. Janganlah kita mudah tertipu bahawa kita kalau berpelajaran dan mempunyai didikan bahawa kita akan tahu menjaga diri dan dengan sebab itu tidak ada halangannya kalau kita duduk

kerana menuntut ilmu atau bermuzakarah dengan lelaki walau berdua-dua sahaja kerana perbuatan-perbuatan yang semacam itu melanggar tegahan-tegahan Tuhan di dalam mana tiap-tiap tegahan itu ada bencana yang akan diterima dan harus terjadi dan percayalah barangsiapa yang melanggar di antara seribu orang payah seorang yang akan terlepas daripadanya.

Rasulullah (SAW) telah bersabda maksudnya: “Janganlah seseorang lelaki bersendirian dengan seseorang perempuan (di suatu tempat) melainkan ada bersertanya seorang muhrimnya” (Hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim). Perjumpaan ini bersyarat pula tidak boleh dinampakkan melainkan muka dan dua tangannya dan apa-apa yang ada pada muka itu.

Bagaimanakah halnya dengan anjuran-anjuran supaya ibu bapa jangan menegah pergaulan anak-anaknya itu asalkan sahaja anaknya itu diberi pengajaran-pengajaran yang sempurna akan terselamat? Saya berkeyakinan bahawa sifat di antara kita perempuan dan lelaki itu umpama minyak dengan api. Mereka tidak boleh dihindarkan kerana ia akan membakar. Oleh sebab itu agama telah menetapkan peraturan-peraturan adab yang jelas, perintah-perintah yang tepat atas pergaulan-pergaulan di antara lelaki dengan perempuan oleh kerana kejadian tabii mereka yang ada itu akan merosakkan taraf di antara keduanya.

Seseorang lelaki boleh memberi salam kepada perempuan. Tetapi selama yang diberi oleh lelaki kepada perempuan itu bukannya memberi salam di tengah jalan atau bertegur sapa di tengah jalan. Banyak keterangan-keterangan dan perintah yang menegah perbuatan-perbuatan yang demikian itu. Rasulullah (SAW) pernah memberi salam kepada perempuan-perempuan yang berkumpul di hadapan rumahnya tetapi tidak di tengah jalan. Yang demikian ini jauh sekali berjabat salam di antara lelaki dengan perempuan.

Rasulullah (SAW) telah bersabda yang maksudnya: “Sesungguhnya aku tidak berjabat salam dengan perempuan” - (Hadis riwayat Malik, Tarmizi dan Nisai).

Suatu hadis lagi diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim: telah berkata Aishah tak pernah sekali-kali tangan Rasulullah (SAW) menyentuh tangan perempuan yang tidak halal baginya. Ada lagi beberapa hadis meriwayatkan bahawa Rasulullah (SAW)

sekalipun di dalam masa mengambil baiah (perjanjian) tidak pernah berpegang tangan hanya dengan perkataan jua.

Yang demikian itu adalah sangat-sangat ditegah dan tegahan itu lebih jelas atas dua hadis sahih yang diriwayatkan oleh Al-Tibrani yang maksudnya: (1) Ditikam seseorang daripada kamu di kepalanya dengan jarum daripada besi itu adalah lebih baik daripada ia menyentuh seseorang perempuan yang tidak halal baginya, (2) Seseorang lelaki yang bersinggulan dengan bahu yang berlumuran dengan lumpur itu lebih baik daripada ia bersinggul bahu dengan seseorang perempuan yang tidak halal baginya.

Di sini terang bahawa yang demikian itu sangat kuat tegahnya dan saya sendiri hairan ada juga nampaknya orang alim telah melanggar tegahan-tegahan yang demikian sehingga ia tergamak membiarkan tangannya atau berjabat salam dengan perempuan dengan melapik tangannya dengan kain pada hal keterangan-keterangan yang nyata ini terang menegah melakukannya demikian.

Demikianlah nasibnya kita, sedangkan ulama-ulama mengecilkan yang demikian itu bahkan ada daripada mereka itu sendiri yang telah tercephit melanggar perbuatan-perbuatan itu dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang durjana. Sedangkan begini keadaannya telah ada tegahan-tegahan maka betapa pula halnya dengan keadaan menggalakkan lingkungan-lingkungan kita bermain di atas tonil, konon-kononnya merebut kebajikan masyarakat tetapi melanggar tegahan-tegahan Allah.

Janganlah kiranya kaum lelaki itu menggelarkan kita kaum perempuan kuno dan kolot kalau tidak bergaul dengan mereka itu. Perhatilah bahaya-bahayanya di hadapan mata kita bagaimana mereka itu balik daripada tempat belajar malam berbimbing-bimbing tangan yang menjadi punca akan membawa perjumpaan ke lain-lain tempat. Insaflah bencana ini dan insaflah kita bahawa bencana penderitaan itu kita yang menerimanya bukan mereka. Insaflah bahawa kita hidup sentiasa didorong oleh hawa nafsu dan sekali-kali kita akan menjadi korban kepadanya dan kalau kita menerima korban maka padahnya sangat buruk kepada kita kerana kita akan menerima buahnya. Buahnya akan nampak kepada orang ramai dan akan menoda nama ibu bapa kita selain daripada melanggar hukum-hukum Allah. Sekianlah dahulu.